
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HMT 328 – PSIKOLINGUISTIK

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pastikan bahawa kertas ini mengandungi LIMA_soalan.
2. Soalan 1 dan Soalan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.
3. Jawab mana-mana DUA soalan yang lain daripada Bahagian B.

Bahagian A

Soalan daripada **Bahagian A** WAJIB dijawab.

1. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

[a] Huraikan dengan jelas peranan saraf kranial dalam penghasilan bahasa.

[7 markah]

[b] Lukis gambar rajah otak, dan lengkapkan dengan melabelkan yang berikut:

[i] Komponen utama otak yang berkaitan dengan bahasa.

[3 markah]

[ii] Labelkan komposisi bagi setiap komponen [i] di atas.

[5 markah]

[iii] Huraikan cara otak berfungsi.

[5 markah]



[c] Berikan LIMA cara untuk merangsang otak.

[5 markah]



2. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

Dengan menggunakan **DATA 1** yang diberikan, jawab soalan [a] hingga [c].

DATA 1



**MENTAL
LEKSIKON**



- [a] Namakan satu aspek dalam proses pertuturan yang bersesuaian dengan semua gambar dalam **DATA 1**.

[2 markah]

- [b] Dengan menggunakan setiap gambar tersebut, buat pemerian yang terperinci berkaitan aspek proses pertuturan yang telah dikenal pasti dalam [a] di atas.

[15 markah]

- [c] Berikan empat bukti yang menyokong keterangan bahawa bahasa manusia adalah unik dan berbeza daripada sistem komunikasi haiwan.

[8 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA soalan daripada **Bahagian B**.

3. Jawab soalan [a], [b], dan [c].

- [a] Nyatakan leksikal yang paling tinggi frekuensinya dalam kisah 'Ibu dan Anak' yang dipaparkan semasa kuliah berlangsung.

[2 markah]

- [b] Huraikan ciri leksikal tersebut dengan mengaplikasikan kesemua faktor yang mempengaruhi pengaksesan sesuatu leksikal.

[10 markah]

- [c] Dengan menggunakan leksikal yang telah dipilih dalam [a] di atas, bincangkan kaedah leksikal tersebut diakses dengan menggunakan Model 'Connectionist'.

[13 markah]

4. Jawab soalan [a] dan [b].
- [a] Huraikan tahap-tahap pemerolehan bahasa pertama dengan menggunakan contoh yang sesuai.
- [10 markah]
- [b] Berdasarkan Teori Behaviorisme dan Teori Kognitif, **gunakan contoh yang sesuai** untuk menjawab soalan [i] hingga [iii] yang berikut:
- [i] Huraikan fokus utama kedua-dua teori.
- [5 markah]
- [ii] Adakah pembelajaran secara sosial dan kemampuan sensori motor saling berkaitan?
- [5 markah]
- [iii] Berikan LIMA panduan untuk mengembangkan kosa kata kanak-kanak sebagaimana yang diusulkan oleh Funk dan Lewis (1970).
- [5 markah]
5. Bagaimanakah gangguan bahasa boleh berlaku terhadap seseorang selepas mendapat angin ahmar? Huraikan dengan jelas, gunakan semua fakta dan lengkap dengan lakaran yang berkaitan.
- [25 markah]